



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	30 OGOS 2023	MUKA SURAT	: 3
JABATAN	:	NRECC		

SINAR HARIAN • RABU 30 OGOS 2023

NASIONAL | 3

RM2b bagi fasiliti peralihan tenaga

Jadi pemangkin kewangan secara teradun, kata PM

KUALA LUMPUR

Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM2 bilion sebagai dana awal bagi Fasiliti Peralihan Tenaga Negara untuk membolehkan pemangkin kewangan secara teradun, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Selasa.

Perdana Menteri berkata, kemudahan berkenaan akan mengupayakan pemangkin kewangan berkenaan dalam memastikan kelancaran aliran sumber kewangan ke arah projek-projek peralihan tenaga yang berpotensi secara marginal atau menghasilkan pulangan di bawah pasaran.

"Kemajuan kita dengan mengambil kira keadaan semasa teknologi penyahkarbonan Malaysia yang belum matang, banyak bergantung kepada sumber tenaga alternatif serta ketahanan serantau dan antara-

bangsa yang mantap," kata beliau ketika berucap pada majlis pelancaran fasa kedua Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara di sini, pada Selasa.

Menekankan perkara itu selanjutnya, Perdana Menteri turut menegaskan bahawa usaha terbabit turut melibatkan aspek kewangan yang besar.

"Oleh kerana cabaran utama dalam peralihan tenaga adalah pembiayaan, adalah dianggarkan pelaburan berjumlah sekurang-kurangnya RM1.2 trilion bagi tempoh 2023 hingga 2050 diperlukan untuk membolehkan peralihan tenaga secara bertanggungjawab," kata beliau.

Malah, Anwar menjelaskan, pada dekad ini sahaja, kerajaan memerlukan peruntukan antara RM60 bilion dan RM90 bilion bagi menampung projek-projek penting, termasuk pengembangan pengangkutan awam, memperkuh infrastruktur gnd serta usaha latihan semula modal insan.

Selain itu, beliau menyifatkan kecekapan tenaga itu sebagai antara tuas peralihan tenaga yang menawarkan penyelesaian jangka panjang secara berkesan



Anwar (tengah) melancarkan fasa kedua Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara di Kuala Lumpur pada Selasa. Turut hadir Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad (tiga dari kanan) dan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli (tiga dari kiri)

dalam mengurus penggunaan tenaga, sekali gus mengurangkan lagi pelepasan karbon.

Atas alasan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan melancarkan satu program retrofit besar bagi meningkatkan aspek kecekapan tenaga di

bangunan-bangunan kerajaan.

"Satu platform ESCO (syarikat-syarikat perkhidmatan tenaga) akan dibentuk bagi menghubungkan ESCO swasta yang kebanyakannya adalah perusahaan kecil dan sederhana dengan projek-projek kerajaan.

"Peranan utama platform tersebut adalah sebagai satu perantara yang mengumpulkan projek-projek retrofit bangunan kerajaan dan menggilakkan penyelarasan awam-swasta dalam pasaran ESCO," kata beliau Bernama